

02/05/2000

MIC cari calon berwibawa ganti Anpalagan

KUALA LUMPUR, Isnin - MIC akan mengutamakan calon muda berwibawa yang memenuhi segala aspirasi dan kehendak masyarakat dalam menentukan calon untuk mempertahankan kerusi Parlimen Teluk Kemang di Negeri Sembilan.

Pilihan raya kecil kawasan itu dijangka diadakan tidak lama lagi berikutan kematian Ahli Parlimennya, S A Anpalagan, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Jumaat lalu akibat sakit jantung.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pemilihan Anpalagan bagi kerusi Teluk Kemang dalam pilihan raya umum November lalu adalah bagi menyuntik semangat baru dalam parti dengan menonjolkan calon muda.

"Justeru itu, penggantinya perlu mampu memenuhi semua sasaran dan objektif MIC serta menepati aspirasi masyarakat setempat secara umum selain berbakti kepada rakyat tempatan termasuk berketurunan India.

"Setakat ini, saya belum membuat keputusan tetapi sudah menetapkan bahawa hanya mereka yang muda, cergas serta berkeelayakan akan dipilih kerana kita sudah lama menguasai kerusi Teluk Kemang dan ia perlu dikekalkan.

"Saya perlu masa berfikir sebelum menentukan calon dan akan membuat pengumuman dalam beberapa hari lagi," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Alaf baru anjuran Gereja Methodist Tamil Malaysia di sini, hari ini.

Katanya, nama calon pilihan akan dikemukakan untuk persetujuan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Dr Seri Mahathir Mohamad, selepas Suruhanjaya Pilihanraya menetapkan hari penamaan calon dan tarikh pilihan raya kecil kelak.

Beliau berkata, tugas MIC kini semakin berat berikutan kehilangan Anpalagan, yang dipilih bagi menjana semangat kepimpinan di kalangan muda mudi MIC.

Kebanyakan pemerhati politik meramalkan pengganti Anpalagan, 37, perlu menyamainya dari segi umur, latar belakang pendidikan serta sokongan akar umbi dan diterima oleh pengundi Teluk Kemang selain mampu bekerjasama dengan barisan pemimpin sedia ada, baik dalam MIC atau BN.

(END)